



CIMB BANK BERHAD  
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD  
200401032872 (671380-H)

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**  
**Program Bantuan Bayaran bagi**  
**Pinjaman Berjangka/Pembiayaan yang Ditukarkan dari**  
**Baki Kad Kredit/-i (“Program”)**

**Terma-Terma Am**

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai bagi Program yang boleh didapati dari 7 Julai 2021, dan seterusnya untuk peminjam/pelanggan individu yang mempunyai Pinjaman Berjangka/Pembiayaan yang ditukarkan dari Baki Kad Kredit/-i di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (“Kemudahan”) yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi sembilan puluh (90) hari) dan tidak ada di bawah rehabilitasi dengan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) setakat tarikh permohonan Program.
- B. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Untuk memohon Program ini, anda boleh:
  - (i) hubungi Pusat Panggilan Pelanggan CIMB di + 603 6204 7788; atau
  - (ii) kunjungi ke mana-mana cawangan CIMB.
- D. Anda hanya boleh membuat satu (1) pilihan daripada dua (2) pilihan di bawah dan setelah pilihan anda dibuat, ia tidak boleh diubah.
- E. Tempoh Kemudahan anda akan diperpanjangkan minimum tiga (3) bulan.
- F. Fi dan caj akan terus dikenakan seperti biasa ke akaun kad kredit/-i. Anda bertanggungjawab untuk memastikan penyelesaian fi dan caj.
- G. Jika anda sedang menyertai program bantuan bayaran yang lain, ia akan dihentikan dengan segera apabila Program ini bermula.
- H. Hak Bank dan kewajipan sedia ada anda untuk terus membuat pembayaran ansuran bulanan selebihnya menjelang tarikh yang dipersetujui tidak akan terjejas. Semua terma lain akaun anda yang dijadualkan semula dan distrukturkan semula tidak akan berubah.
- I. Jika Bank mendapati bahawa anda telah memberikan informasi yang salah, mengelirukan atau tidak lengkap semasa permohonan untuk Program ini, Bank berhak untuk menukar atau mengubah suai terma pinjaman berjangka/pembiayaan atau membatalkan penyertaan anda dalam Program ini.



CIMB BANK BERHAD  
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD  
200401032872 (671380-H)

- J. Sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik, anda boleh pada bila-bila masa memohon perubahan terma bayaran Kemudahan untuk mengurangkan kos pembiayaan Kemudahan anda dengan menghubungi kami seperti yang dinyatakan di bahagian C di atas.
- K. Bank boleh menghentikan Program pada bila-bila masa dengan memberi notis di laman webnya.
- L. Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan pada bila-bila masa sehingga akaun anda tertunggak selama 90 hari atau lebih, anda bersetuju bahawa Bank boleh menawarkan penyelesaian khusus yang lebih sesuai dengan kedudukan kewangan anda, yang mungkin termasuk berkongsi butiran pinjaman/pembiayaan anda dengan AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan selanjutnya bagi mengurus hutang anda dan membenarkan AKPK mengakses maklumat CCRIS anda.

#### Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Bayaran 6 Bulan

1. Tidak ada pembayaran yang perlu dilakukan selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 1 untuk Program ("**Tempoh Penangguhan 6 Bulan**") yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan 6 Bulan sehingga penyelesaian penuh dibuat atas Kemudahan.
3. Untuk Pinjaman Berjangka, anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggan, CIMB tidak akan mengkompau sebarang faedah yang terakru sepanjang Tempoh Penangguhan 6 Bulan di bawah Pilihan 1 ini. Faedah masih akan dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang Tempoh Penangguhan 6 Bulan dan pembayaran untuk faedah yang terakru mesti dibuat selepas Tempoh Penangguhan 6 Bulan. Setelah berakhirnya tempoh Kemudahan, anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi.
4. Untuk Pembiayaan Berjangka Islam, caj kemudahan tambahan tidak akan dikenakan. Anda juga akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek dalam Tempoh Penangguhan 6 Bulan.
5. Untuk debit automatik dari akaun semasa/simpanan/-i CIMB, pembayaran akan ditangguhkan secara automatik dalam Tempoh Penangguhan 6 Bulan. Untuk Arahan Tetap ("**SI**"), anda perlu mengemas kini SI dengan sewajarnya.
6. Sekiranya pembayaran ansuran bulanan dilakukan dalam Tempoh Penangguhan 6 Bulan, pembayaran tersebut akan dianggap sebagai ansuran bulanan biasa untuk Kemudahan dan tidak akan dibayar balik/dikembalikan.



CIMB BANK BERHAD  
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD  
200401032872 (671380-H)

### Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan 50% Bayaran Bulanan Selama 6 Bulan

1. Ansuran bulanan anda akan dikurangkan sebanyak 50% ("**Ansuran yang Dikurangkan**") selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 2 untuk Program ("**Tempoh Pengurangan Ansuran 50%**"), dan akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda mesti membayar Ansuran yang Dikurangkan dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
3. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan asal anda selepas berakhirnya Tempoh Pengurangan Ansuran 50% sehingga penyelesaian penuh dibuat atas Kemudahan.
4. Untuk Pinjaman Berjangka, anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggan, CIMB tidak akan mengkompaun sebarang faedah yang terakru sepanjang Tempoh Pengurangan Ansuran 50% di bawah Pilihan 2 ini. Faedah masih akan dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang Tempoh Pengurangan Ansuran 50% dan pembayaran untuk faedah yang terakru mesti dibuat selepas Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Setelah berakhirnya tempoh Kemudahan, anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi.
5. Untuk Pembiayaan Berjangka Islam, caj kemudahan tambahan tidak akan dikenakan. Anda juga akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
6. Untuk debit automatik dari akaun semasa/simpanan/-i CIMB, pembayaran akan ditangguhkan secara automatik dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Untuk Arahan Tetap ("**SI**"), anda perlu mengemas kini SI dengan sewajarnya.
7. Sekiranya pembayaran ansuran bulanan asal dilakukan dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, pembayaran tersebut akan dianggap sebagai ansuran bulanan biasa untuk Kemudahan dan tidak akan dibayar balik/dikembalikan.